

A photograph of a man and a young child sitting on a white rug, playing with colorful wooden blocks. The man is lying on his stomach, looking at the child who is sitting and reaching for a block. They are both smiling and engaged in the activity. The background is a bright, indoor setting with a window and a dark cabinet.

KANAK-KANAK bukan sahaja memerlukan tenaga untuk badan tetapi juga untuk otak mereka.

Tenaga berterusan untuk si manja

Penting bagi otak mendapat tenaga berterusan untuk menjamin prestasi optimum

ZAMAN awal kanak-kanak yang dikelilingi buku dan mainan berunsur pendidikan akan meletakkan asas yang kukuh untuk masa depan si manja anda.

Bagaimanapun, kanak-kanak bukan sahaja memerlukan tenaga untuk badan tetapi juga untuk otak mereka.

Ini kerana apabila badan dalam keadaan rehat atau sewaktu tidur, otak tetap aktif kerana banyak proses arahan kepada pelbagai bahagian badan seperti mengawal suhu badan, kadar denyutan jantung dan pernafasan berlaku.

Justeru, adalah penting bagi otak mendapat tenaga berterusan untuk menjamin prestasi optimum.

Pakar Sains Kanan Friesland Campina Innovation International, **Dr. Anne Schaafsma**, berkata, sungguhpun asid dokosaheksaenoik (DHA) dianggap sebagai blok binaan bagi otak, glukosa adalah sumber tenaga utama untuk kecekapan fungsi prestasi kognitif seperti daya tumpuan dan daya ingatan.

Justeru beliau berkata, di Friesland Campina Innovation International tumpuan diberi pada penyelidikan berkaitan perkembangan dan fungsi otak, khususnya peranan Isomaltulosa kepada bekalan tenaga berterusan.

“Isomaltulosa adalah bahan semula jadi yang diperolehi daripada madu dan tebu. Ia membekalkan jumlah tenaga yang sama seperti sukrosa, tetapi dihadamkan secara lebih perlahan, seterusnya membolehkan kenaikan glukosa darah lebih rendah dan lebih perlahan berbanding sukrosa.

“Hasil kajian saya mendapati bahawa Isomaltulosa membolehkan glukosa memasuki darah secara lebih perlahan, mengelakkan kenaikan dan kejatuhan mendadak tahap glukosa. Ini menjadikan bekalan tenaga secara lebih kekal dan lebih panjang kepada otak,” kata Dr. Schaafsma.

Untuk mengetahui kesan kebaikan Isomaltulosa ke atas prestasi kognitif kanak-kanak, beliau dan pakar penyelidik tempatan dari Fakulti Perubatan dan

Bagi menyokong perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan dan membolehkan mereka mencapai potensi penuh, adalah penting untuk menjadikan pemakanan yang betul sebahagian daripada diet harian mereka

Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, menjalankan kajian klinikal ke atas kanak-kanak di Malaysia.

Parameter kajian klinikal ini ialah daya tumpuan, kesinambungan tumpuan, kualiti daya ingatan dan kelajuan ingatan.

Kesan kognitif

“Hasil kajian ini menunjukkan besar kemungkinan Isomaltulosa yang terkandung dalam susu tepung rumusan dengan vitamin dan zat galian tertentu memberi kesan positif ke atas prestasi kognitif, yang mengurangkan kemerosotan daya tumpuan dan daya ingatan.

“Selain itu ia juga menunjukkan bahawa fungsi otak bergantung pada bekalan tenaga yang stabil bagai membolehkan otak berfungsi pada tahap optimum untuk jangka waktu lebih lama,” katanya.

Menurut Dr. Schaafsma, bagi menyokong perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan dan membolehkan mereka mencapai potensi penuh, adalah penting untuk menjadikan pemakanan yang betul sebahagian daripada diet harian mereka.

Sementara itu menyedari pentingnya pemakanan yang baik untuk perkembangan kanak-kanak, Dutch Lady milik Royal FrieslandCampina N.V., memperkenalkan susu tepung rumusan untuk kanak-kanak Dutch Lady ActivGold.

Susu ini diperkaya dengan Isomaltulosa dan DHA dengan formula yang membekalkan nutrisi penting untuk perkembangan kanak-kanak.

“Kami faham dan sedar bahawa untuk merangsang proses bermain, belajar dan memeroka secara optimum, kanak-kanak memerlukan pemakanan yang baik dan tenaga secukupnya untuk badan dan otak mereka.

“Kanak-kanak sememangnya aktif belajar setiap hari dan memerlukan bekalan tenaga berterusan kerana otak mereka hanya boleh menyimpan tenaga selama 15 minit,” kata **Anja Henze**, Pengarah Pemasaran Dutch Lady Malaysia. Dutch Lady ActivGold Step 3 dan Step 4 dengan Isomaltulosa dan DHA boleh didapati dalam pek 550gram dan 550gramx2, dengan dua pilihan perasa, iaitu *Original dan Honey*.

